



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah) melihat jalan yang diturap menggunakan FMA di Jalan Wakaf Bertam Ulu selepas majlis pelancaran Projek Inovasi Sosial Menaiktaraf Jalan Kampung di Melaka semalam.

Dua jalan di Melaka guna teknologi FMA

MELAKA 4 Feb. - Dua batang jalan di negeri ini terpilih sebagai perintis program jalan menggunakan Fibre Mastic Asphalt (FMA), iaitu teknologi turapan jalan terbaharu di bawah inisiatif projek Inovasi Sosial Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MSI).

Kedua-dua jalan tersebut iaitu Jalan Wakaf Bertam Ulu di Tangga Batu dan Jalan Gereja di Cheng menggunakan teknologi FMA yang dihasilkan sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu bitumen atau tar bertaraf antarabangsa yang tahan bebanan tinggi dan mempunyai jangka hayat yang jauh lebih panjang daripada jalan turap biasa.

Timbalan Menteri Sains, Tek-

nologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, produk inovasi hasil penyelidikan UPM yang dibantu agensi di bawah kementeriannya iaitu Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) merupakan projek MSI ke-13 di negeri ini.

“Sepanjang tahun lalu, sebanyak RM3.8 juta diperuntukkan untuk 12 projek MSI di seluruh negeri ini dan menerusi program MSI ini, kementerian akan memperuntukkan sejumlah dana bagi mengkomersialkan projek-projek penyelidikan.

“Hasilnya hari ini, UPM berjaya mengetengahkan teknologi baharu turapan jalan menggunakan FMA iaitu turapan jalan yang pertama

di negara ini menggunakan kos yang lebih rendah iaitu 15 peratus lebih murah daripada jalan tar biasa malah kualitinya tahan lebih lama,” katanya selepas merasmikan projek MSI menaik taraf jalan Wakaf Bertam Ulu menggunakan teknologi FMA, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Sazali Muhd. Din.

FMA merupakan teknologi yang menghasilkan selulos fiber sebagai bahan binaan jalan daripada bahan buangan domestik kelapa sawit yang dikenali sebagai ‘Novacel’.